

16 NOV 2001

Media-Islam

M'SIA SEBUAH NEGARA ISLAM YANG AMAT MEMBANGUN - PENERBIT AMERIKA

Oleh: Nin Zairani Mohd Ali

PUTRAJAYA, 16 Nov (Bernama) -- Malaysia adalah sebuah negara Islam yang amat membangun yang telah menyaksikan kemajuan pesat, kata Osama Siblani, penerbit "The Arab Amerika News" yang berpejabat di Amerika Syarikat hari ini.

Osama dari Dearborn, Michigan berkata beliau amat terkejut melihatkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang amat membangun, tidak seperti apa yang digambarkan oleh media barat.

"Semasa kami datang sini, kami terkejut dan menyedari betapa Malaysia telah digambarkan secara negatif oleh media barat," katnya kepada Bernama selepas beliau dan sekumpulan editor bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pejabat Perdana Menteri di sini.

Kumpulan itu termasuk para editor dari pelbagai akhbar dan majalah Islam dari Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman, Mesir, Oman, Libya, Sudan dan Pakistan tiba di sini pada 11 Nov. Mereka akan berlepas pulang esok.

Ditanya mengenai pertemuan mereka dengan Dr Mahathir, beliau berkata kumpulan itu mahu mendengar daripada Perdana Menteri sendiri, pendapat beliau mengenai apa yang berlaku di seluruh dunia, terutama perkara-perkara yang berlaku di Afghanistan dan Palestin.

Osama berkata kumpulan itu juga mahu mendengar pendapat Dr Mahathir mengenai ekonomi dunia dan "bagaimana Malaysia berjaya menghadapinya" semasa kegawatan ekonomi.

"Kami mahu tahu lebih banyak mengenai Malaysia yang telah mendapat begitu banyak perhatian dari seluruh dunia," katanya.

Beliau berkata Dr Mahathir telah menyatakan dengan jelas bahawa kerajaannya dan rakyatnya tidak menyokong keganasan.

Perdana Menteri juga memberitahu kumpulan itu mengenai laporan berat sebelah oleh media Amerika terhadap Malaysia.

Osama berkata pertemuan dengan Perdana Menteri itu berjalan secara terus terang dan menurutnya Dr Mahathir merupakan seorang yang amat merendah diri.

"Perdana Menteri anda tidak dikenali sepenuhnya seperti yang sepatutnya. Beliau seorang yang berdedikasi. Sebuah negara seperti Malaysia tidak mampu membangun dengan pesat tanpa mempunyai seorang pemimpin seperti beliau," katanya.

"Beliau seorang pemimpin yang berhemah dan suka merendah diri dan mungkin apa yang kita perlu lakukan ialah mengklon beliau...kita perlukan Dr Mahathir di negara-negara Islam lain juga dan malahan di Barat.

"Beliau merupakan seorang pemimpin dunia yang perlu diketengahkan...buah fikirannya amat bernas dan kita perlu memastikan bahawa dunia memahami siapa sebenarnya Dr Mahathir Mohamad dan kami akan lakukan bahagian kami daripada segi itu," katanya.

Sementara itu, semasa ditanya mengenai persamaan nama beliau dengan Osama Bin Laden, orang paling dikehendaki di Amerika Syarikat, beliau berkata beliau seorang yang amat dikenali di Amerika kerana telah banyak kali muncul di televisyen.

"Saya banyak muncul di TV dan saya telah ditanya mengenai perkara itu dan nama saya itu sering dipermainkan oleh media...tetapi saya tetap pertahankan nama saya. Osama adalah nama seorang daripada panglima Nabi Muhammad S.A W dan dalam bahasa Arab, ia bermaksud singa."

"Saya bangga dengan nama saya," katanya.

-- BERNAMA
NZ HS AAM RHM